

CNS5744

R GB 14-08 00156 BC337

Bah

Mahathir - Bosnia 3 Alor Setar

Di KOTA BAHARU, Presiden Semangat 46 Tengku Razaleigh-Hamzah berkata langkah memutuskan hubungan diplomatik dengan Belgrade ialah satu kesilapan kerana ia telah menutup saluran untuk meneruskan bantuan kepada orang Islam Bosnia.

Beliau berkata Malaysia sepatutnya menurunkan taraf kedutaan di Belgrade untuk mengekalkan saluran diplomatik bagi mendapatkan berita mutakhir mengenai keadaan di sana dan memberi bantuan kepada orang Islam Bosnia.

+Adalah lebih sukar jika kita terpaksa menggunakan negara lain untuk memainkan peranan dalam membantu orang Islam Bosnia dan menamatkan perang saudara di sana,+ katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Muktamar PAS ke-38.

Kenyataan itu bercanggah dengan pendirian parti-parti pembangkang yang lain seperti PAS dan DAP yang menyokong tindakan Malaysia untuk menutup kedutaannya.

Tengku Razaleigh berkata Malaysia sepatutnya menyeluraskan tindakan dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela dan negara-negara yang ingin membantu untuk membawa bantuan bekalan kepada orang Islam Bosnia menerusi kedutaan itu. -- Lagi

▼14/08/18-33MST

CNS5747

R GB 14-08 00063 BC338

Bah

Mahathir - Bosnia 3 (Akhir) Alor Setar

Tengku Razaleigh, yang mengetuai +Gagasan Rakyat+, berkata beliau menyokong tindakan Kerajaan Persekutuan untuk menggesa Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan mesyuarat tergempar bagi membincangkan kekejaman yang dilakukan terhadap orang Islam Bosnia.

Beliau berkata kuasa-kuasa besar perlu bertindak sebelum ia menjadi lebih teruk di bekas republik Yugoslavia itu. -- Bernama

▼14/08/18-34MST